

Abdul Halim Ismail

Hariani Haron

Lim Swee Tin

Harizan Mohd Ajis



# Gema Puisi Pahlawan

Paula A'ala daripada kumpulan DEKMAL mendeklamasi puisi 'Nazam Pejuang'.

» Perajurit, penyair mapan tiup semangat patriotisme 5,000 penonton banjiri Port Dickson

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bharian.com.my

Se  
Semangat patriotisme tidak dapat dipisahkan daripada anggota tentera bagaimana muzik dan irama sehingga tidak hairanlah tema itu jelas menguasai pentas puisi pada Malam

Gema Puisi Pahlawan di Pusat Latihan Asas Tentera Darat Malaysia (PUSASDA), Port Dickson, baru-baru ini.

Malam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Tentera Darat Malaysia itu dibanjiri lebih 5,000 penonton daripada anggota Tentera Darat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan orang awam untuk menikmati gabungan deklamasi puisi penyair mapan dan tentera.

Acara yang masuk tahun kedua penganjuran itu turut dihadiri Ketua Pengarah DBP, Dr Awang Sariyan dan Panglima Latihan Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Mazelan Kasap.

Semangat patriotisme itu membara apabila Perajurit Muda (PM) Tentera Darat iaitu PM Wan Mohd Amar Wan Mohd, PM Mohd Akbar Naser, PM Abd Halim Ismail dan PM Nurezlina Azma Mahadi membacakan puisi berjudul Pahlawan Melayu.

Lebih menggamatkan lagi, deklamasi empat deklamator itu diselitkan dengan persembahan silat yang bertepatan dengan puisi mereka.

Jarang pahlawan Melayu mengemukakan  
jarang pahlawan Melayu hilang pertimbangan  
kerana akal dan budi firasat dan gerak hatinya  
sudah tentu mendalam jauh ke hadapan menusuk mata lawan mengira-ngira detiknya dan ketikanya  
diiringi bunga silat dan tajam renungan matanya  
semangat dan budaya pahlawan Melayu sudah sedemikian sudah menjadi mantera warisan tidak derhaka.


Suara patriotisme itu disambung oleh Juara Pertandingan Deklamasi Peringkat ATM lebih 10 kali, Leftenan Kolonel Mohd Radzi Abdul Hamid yang menyampaikan puisinya, *Wirid Pahlawan* dengan gaya tersendiri sambil digabungkan dengan bacaan ayat suci Al-Quran.

Keamanan negara sangat berharga tidak terbeli walau dengan emas



Peserta yang mengambil bahagian pada **Gema Puisi Pahlawan** sempena Hari Pahlawan dan Hari Malaysia 2012 di Port Dickson, Negeri Sembilan. [AMIRUL NUBLI WAN AHMAD / BH]





Sebahagian anggota tentera yang hadir mengikuti **Gema Puisi Pahlawan**.

bergunung  
penaka delima sebesar pulau  
adalah kewajipan anak bangsa  
menjaga, memelihara keamanan  
sebagai satu amanah  
adalah kewajipan barisan pejuang  
berdiri gagah perkasa mempertahankan tanah bonda.

Tidak kurang hebatnya ialah deklamasi puisi oleh wakil penganjur, iaitu Tentera Darat Malaysia yang diwakili Datuk Mazelan sendiri menerusi karya berjudul *Keranamu Malaysia*.

DBP pula gagah dengan deklamasi puisi oleh Dr Awang menerusi karyanya berjudul *Maaf Hamba* yang sarat persoalan mengenai makna kemerdekaan.

*Maaf hamba bertanya  
masihkah tuan hamba percaya?  
tamadun yang kita warisi daripada  
keutuhan sejarah  
kita jadikan asas kenegaraan  
kala menuntut pembebasan  
agama tonggak kehidupan  
bahasa wacana pemikiran  
budaya teras peradaban  
hak peribumi dikembalikan  
hak saudara senegara dipertingkatkan.*

Persembahan puisi secara duo oleh penyair jemputan iaitu Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Lim Swee Tin dan produser filem, Raja Azmi Raja Sulaiman turut menggamit perhatian khalayak ketika menyampaikan puisi bertajuk *Deru Angin Kedamaian* dan *Ceritera Lelaki Perjuangan* dengan gaya dramatik dan mempesonakan.

*Bayangkan seorang tua aku  
bernama perjuangan  
getirnya tak tercatatkan  
di mana-mana buku peringatan  
lama sejarah pun tak mampu  
meriwayatkan  
kau anak generasi aku lelaki tua  
sorak-sorai yang jauh  
di sana gema laung merdeka itu.*

Menariknya, Raja Azmi turut menampilkan kejutan tersendiri apabila menyampaikan karyanya berjudul *Teman* yang bukan asing dalam dunia tentera kerana bapanya yang sudah kembali ke rahmatullah sebenarnya pernah berkhidmat sebagai anggota tentera.

Kelab Deklamator Malaysia (DEKMAL) dianggotai penulis baru, iaitu Izudin Mokhtar, Lin Haslinaz, Hariani Harun dan Paula A'ala mengejutkan khalayak dengan persembahan memukau berbentuk dekon menerusi sajak berjudul

*Nazam Pejuang.*

Persembahan itu turut digabungkan dengan alunan syair indah oleh penyanyi lagu irama tradisional, Roslan Madun yang membawakan *Syair Nasihat Raja Ali Haji*.

Acara apresiasi-puisi yang berlangsung hampir tiga jam itu, turut diserikan dengan persembahan nyanyian oleh artis tempatan termasuk penyanyi Akademi Fantasia (AF) musim ke-4, Farhan dan biduanita Salamiah Hassan.

Antara penyair lain yang memeriehkan acara yang dikemudikan Roslan Madun itu, ialah penyampai gurindam dari Rembau, Rusmawani Ishak; penulis, Silahudin Ahmad dan wakil Rekrut PDRM, iaitu Mohd Khalil Mohd Dahri, Jumeli Jominit dan Harizan Mohd Ajis.

Malam Gema Puisi Pahlawan itu diadakan sempena sambutan Hari Pahlawan dan Hari Malaysia, selain apresiasi kepada sumbangan anggota tentera yang banyak berkorban demi tanah air tercinta.



Roslan Madun



Md Radzi Abd Hamid